



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia



Tel: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.sabah.gov.my

Bil. JBNS : (E)No:A/100-7/4324 Kit.9/111

Tarikh : 21 Mei 2009

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai, Daerah Kecil

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 2/2009 PERATURAN MENANDATANGANI BAUCAR OLEH PEGAWAI-PEGAWAI YANG MENGESAH DAN MEMPERAKUI BAUCAR BAYARAN

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan petak tandatangan bagi pegawai yang memperakui dan mengesahkan Baucar dalam baucar bayaran.
- 1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 11/2008.

2. Latar Belakang

- 2.1 Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil.11/2008 telah mengariskan peraturan mengenai proses penyediaan Baucar Bayaran Am di semua Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri.
- 2.2 Setiap Baucar mestilah diperakui dan disahkan oleh dua orang pegawai yang telah diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal.

3. Penetapan Petak Menandatangani Baucar

- 3.1 Adalah ditetapkan bahawa petak tandatangan bagi pegawai yang mengesahkan baucar (Perakuan I) adalah pada petak pertama (atas) dalam Baucar Bayaran. Oleh itu pegawai yang mengesahkan Baucar selaku (Perakuan I) mesti menandatangani dalam petak ini.
- 3.2 Petak tandatangan bagi Pegawai yang memperakukan Baucar (Perakuan II) adalah ditetapkan pada petak kedua (bawah) dalam Baucar Bayaran. Oleh itu Pegawai yang memperakukan baucar selaku Perakuan II mesti menandatangani dalam petak ini selepas perakuan I telah disempurnakan.
- 3.3 Nama, Jawatan dan gred jawatan Pegawai yang mengesah/memperaku baucar mestilah diletakkan pada ruang petak masing-masing.

4. Peraturan mengesah dan memperakui transaksi dalam sistem

- 4.1 Setiap pegawai yang mengesahkan baucar dan Pegawai yang memperakui Baucar, masing-masing perlu memapar transaksi dalam sistem bagi baucar berkenaan mengikut turutan dimulakan dengan perakuan I dan kemudiannya Perakuan II .
- 4.2 Kegagalan pegawai memapar transaksi dalam sistem akan menghalang data transaksi dipindah ke disket dan proses penghantaran data ke Jabatan Bendahari Negeri atau Jabatan Mengakaun Sendiri yang mana berkenaan tidak dapat dilaksanakan.

5. Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling ini adalah dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2009.

6. Penutup

Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan Pekeliling ini, sila berhubung dengan Akauntan Kanan, Bahagian Pengurusan dan Pembayaran dan Penerimaan melalui telefon 088-272883 atau 088-272670 atau emel: Seria.Indan@sabah.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



.....
(CHUI NGÉT NGO)
Bendahari Negeri

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592, KOTA KINABALU

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian Sabah
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU

s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Wisma Kewangan
KOTA KINABALU

s.k. Pengarah
Jabatan Audit
Cawangan Sabah
Rumah Persekutuan
KOTA KINABALU

ASA/cc.